A

ZURICH GENERAL INSURANCE MALAYSIA BHD
lwn. NORFAIRUZLIZA MD JOHARI & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KANGAR
ARIK SANUSI YEOP JOHARI PK
[SAMAN PEMULA NO: RA-24NCVC-34-10-2020]
B 15 JUN 2021

Abstrak – *Asas permohonan penanggung insurans untuk saman pemula bawah ss. 91(1)(b), 96(1) dan 96(3) Akta Pengangkutan Jalan 1987 dibaca bersama-sama s. 41 Akta Relief Spesifik 1950 untuk mendapatkan perintah deklarasi bahawa sijil insurans/polisi yang melindungi motosikal yang terlibat dalam kemalangan yang menyebabkan kematian anak pihak ketiga tidak boleh dikuatkuasakan kerana kononnya motosikal tersebut telah hilang dan dicuri. Tetapi, dengan ketiadaan bukti prima facie tentang kecurian tersebut, dan hanya bersandarkan andaian penanggung insurans semata-mata, permohonan perintah deklarasi tidak bermerit, tidak munasabah, tiada justifikasi dan bersifat pramatang.*

INSURANS: *Ganti rugi – Tuntutan – Tuntutan pihak ketiga – Ibu si mati menuntut ganti rugi dan pampasan terhadap penunggang dan pemunya berdaftar motosikal yang terlibat dalam kemalangan yang menyebabkan kematian anaknya – Penanggung insurans motosikal diserahkan notis bawah s. 96(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 ('APJ') oleh ibu si mati – Penanggung insurans memfailkan saman pemula untuk satu perintah deklarasi bawah s. 96(3) APJ bahawa sijil insurans/polisi tidak boleh dikuatkuasakan – Permohonan perintah deklarasi berasaskan dakwaan motosikal terlibat hilang dan dicuri sebelum kemalangan – Sama ada terdapat bukti dan keterangan prima facie – Sama ada penanggung insurans berhak mengelak tanggungan bawah sijil insurans dan untuk tidak menanggung ganti rugi – Sama ada penanggung insurans bertanggungan terhadap apa-apa perintah bawah s. 96(1) APJ yang diperolehi ibu si mati terhadap pemunya berdaftar – Sama ada permohonan perintah deklarasi bermerit*

INSURANS: *Polisi insurans – Perlindungan – Penguatkuasaan – Tuntutan ganti rugi oleh pihak ketiga – Ibu si mati menuntut ganti rugi dan pampasan terhadap penunggang dan pemunya berdaftar motosikal yang terlibat dalam kemalangan yang menyebabkan kematian anaknya – Penanggung insurans motosikal diserahkan notis bawah s. 96(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 ('APJ') oleh ibu si mati – Penanggung insurans memfailkan saman pemula untuk satu perintah deklarasi bawah s. 96(3) APJ bahawa sijil insurans/polisi tidak boleh dikuatkuasakan – Permohonan perintah deklarasi berasaskan dakwaan motosikal terlibat hilang dan dicuri sebelum kemalangan – Sama ada terdapat bukti dan*

keterangan prima facie – Sama ada penanggung insurans berhak mengelak tanggungan bawah sijil insurans dan untuk tidak menanggung ganti rugi – Sama ada penanggung insurans bertanggungan terhadap apa-apa perintah bawah s. 96(1) APJ yang diperolehi ibu si mati terhadap pemunya berdaftar – Sama ada permohonan perintah deklarasi bermerit

Plaintif adalah sebuah syarikat insurans manakala defendan pertama adalah pemunya berdaftar motosikal nombor KDY 481 ('motosikal KDY 481') dan pemegang untuk sijil insurans/polisi ('sijil insurans') yang berkuatkuasa mulai 16 Oktober 2017 sehingga 15 Oktober 2018. Defendan kedua adalah penunggang motosikal KDY 481 pada 1 Januari 2018 sebelum motosikal itu didakwa telah hilang dan dicuri ketika defendan kedua masuk ke dalam sebuah kedai runcit pada 1.30 pagi dan satu laporan polis telah dibuat ('laporan polis defendan kedua') Defendan ketiga adalah ibu si mati, iaitu penunggang motosikal nombor RN 526 ('motosikal 526') yang meninggal dunia dalam satu kemalangan jalan raya yang berlaku pada 1 Januari 2018. Pada 1 Januari 2018, pada jam 1.45 pagi, satu kemalangan jalan raya berlaku melibatkan motosikal KDY 481 dan motosikal RN 526 ('kemalangan'). Motosikal RN 526 tersebut ditunggang oleh si mati manakala motosikal KDY 481 ditunggang oleh seorang yang tidak diketahui ('John Doe'). Akibat kemalangan tersebut, si mati mengalami kecederaan dan meninggal dunia. Berikutan itu, defendan ketiga, ibu si mati, memfailkan tuntutan ganti rugi dan pampasan terhadap 'John Doe' dan defendan pertama, sebagai pemunya berdaftar motosikal KDY 481 tersebut di Mahkamah Majistret Kangar ('guaman sivil'). Oleh kerana penunggang motosikal KDY 481 semasa kemalangan berlaku tidak diketahui, maka, sebagai penanggung insurans motosikal KDY 481, plaintif diserahkan dengan notis bawah s. 96(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 ('APJ') oleh defendan ketiga, iaitu pihak ketiga dalam tindakan ini. Oleh kerana defendan kedua dalam laporan polisnya mendakwa motosikal KDY 481 hilang dan dicuri sebelum kemalangan berlaku, untuk mengelakkan tanggungan dan liabiliti terhadap pihak ketiga bawah sijil insurans tersebut, plaintif sebagai penanggung insurans bagi motosikal KDY 481, memfailkan saman pemula (lampiran 1) terhadap ketiga-tiga defendan untuk suatu perintah deklarasi bawah s. 96(3) APJ seperti berikut: (i) bahawa sijil insurans/polisi tersebut dengan nota lindung yang melindungi kenderaan KDY 481 dari 16 Oktober 2017 sehingga 15 Oktober 2018 tidak boleh dikuatkuasakan termasuk tetapi tidak terhad bagi suatu kemalangan yang didakwa berlaku pada 1 Januari 2018 yang melibatkan motosikal RN 526 yang didakwa ditunggang si mati dan motosikal KDY 481 yang didaftarkan atas nama defendan pertama; (ii) bahawa plaintif berhak mengelak tanggungan bawah sijil insurans tersebut dan tidak bertanggungjawab menanggung sebarang ganti rugi, kos serta faedah berikutan tuntutan yang dibuat oleh dan/atau bagi pihak defendan ketiga terhadap plaintif berkaitan dengan kemalangan tersebut; dan (iii) bahawa plaintif tidak bertanggungan terhadap sebarang perintah dan/atau

penghakiman bawah s. 96(1) APJ yang diperolehi atau mungkin diperolehi oleh defendan ketiga terhadap defendan pertama dan/atau mana-mana individu dalam mana-mana tindakan lain yang akan dan/atau telah difailkan berikutan kemalangan tersebut dan/atau yang melibatkan motosikal KDY 481. Dalam kes ini, hanya defendan ketiga sahaja yang memasukkan afidavit dan penghujahan untuk mencabar permohonan saman pemula plaintif tersebut. Plaintif menghujahkan, antara lain, bahawa (i) semasa kemalangan tersebut berlaku, motosikal KDY 481 ditunggang oleh seseorang yang tidak dikenali identitinya dan tanpa kebenaran dan/atau keizinan defendan pertama. Perkara ini jelas bertentangan dan memungkiri kl. 5 sijil insurans tersebut yang harus dibaca bersama-sama s. 91(1)(b) APJ, maka kontrak insurans antara plaintif dan defendan pertama adalah terbatal dan tidak boleh dikuatkuasakan; (ii) plaintif memfailkan permohonan saman pemula tersebut untuk melaksanakan hak plaintif sebagai penanggung insurans bawah s. 96(3) APJ kerana sekiranya plaintif hendak mengelak daripada sebarang tanggungan dan liabiliti terhadap ganti rugi dan pampasan yang dituntut defendan ketiga berkaitan kemalangan tersebut, plaintif perlu mendapatkan perintah deklarasi daripada mahkamah yang mengisytiharkan sijil insurans tersebut tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan, sebelum tarikh liabiliti ditanggung, iaitu sebelum penghakiman berkenaan dengan liabiliti diperoleh oleh defendan ketiga terhadap 'John Doe' dan defendan pertama di Mahkamah Majistret Kangar; (iii) defendan pertama dan defendan kedua tidak mempertikaikan saman pemula plaintif tersebut; dan (iv) defendan ketiga tidak akan diprejudiskan dengan permohonan saman pemula plaintif; (v) terdapat merit dalam permohonan saman pemula plaintif dan oleh itu, permohonan plaintif untuk mendapatkan perintah deklarasi tersebut wajar diberikan oleh mahkamah. Isu undang-undang yang berbangkit dalam tindakan ini adalah (i) sama ada terdapat merit, alasan yang munasabah dan justifikasi yang kukuh dalam permohonan saman pemula plaintif bawah ss. 91(1)(b), 96(1) dan 96(3) APJ dibaca bersama-sama dengan s. 41 Akta Relief Spesifik 1950 bagi mendapatkan perintah deklarasi bahawa sijil insurans/polisi yang melindungi motosikal KDY 481 adalah tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan ('isu pertama'); (ii) sama ada plaintif berhak mengelak tanggungan bawah sijil insurans tersebut dan tidak bertanggungjawab menanggung sebarang ganti rugi, kos serta faedah berikutan tuntutan yang dibuat oleh dan/atau bagi pihak defendan ketiga terhadap plaintif berkaitan dengan kemalangan tersebut ('isu kedua'); dan (iii) sama ada plaintif bertanggungan terhadap sebarang perintah dan/atau penghakiman bawah s. 96(1) APJ yang diperolehi atau mungkin diperolehi oleh defendan ketiga terhadap defendan pertama dan/atau mana-mana individu dalam mana-mana tindakan lain yang akan dan/atau telah difailkan berikutan kemalangan jalan raya tersebut dan/atau yang melibatkan motosikal KDY 481 ('isu ketiga').

Diputuskan (menolak permohonan saman pemula):

(1) Berdasarkan s. 91(1)(b) APJ, jelas bahawa satu polisi insurans bukan sahaja bertujuan untuk melindungi seseorang atau kumpulan orang yang dinamakan dalam polisi insurans tersebut tetapi turut meliputi apa-apa liabiliti dan kecuaian yang disebabkan daripada penggunaan kenderaan yang diinsurans itu oleh mana-mana orang sehingga menyebabkan kematian, kecederaan tubuh badan atau kerosakan kenderaan kepada pihak ketiga. Penanggung insurans bertanggungjawab untuk menanggung apa-apa liabiliti yang ditanggung oleh orang yang dinamakan dalam polisi insurans tersebut terhadap pihak ketiga akibat daripada penggunaan kenderaan yang diinsuranskan tersebut oleh mana-mana orang. (perenggan 48 & 49)

(2) Sekiranya plaintif hendak mengelakkan sebarang tanggungjawab dan liabiliti berkenaan dengan jumlah penghakiman yang kena dibayar oleh plaintif kepada defendan ketiga, plaintif hendaklah mendapatkan penetapan daripada mahkamah bawah s. 96(3) APJ bahawa insurans motosikal KDY 481 tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan, sebelum defendan ketiga memperoleh penghakiman berkenaan liabiliti terhadap defendan pertama dan defendan kedua di Mahkamah Majistret Kangar. Penetapan daripada Mahkamah bawah s. 96(3) APJ bukanlah bersifat automatik dan terletak bawah kuasa budi bicara mahkamah, yang hendaklah dilaksanakan secara adil dan bijaksana. Justeru, sebelum mahkamah ini membuat apa-apa keputusan tentang penetapan tersebut, plaintif hendaklah memuaskan hati mahkamah ini bahawa terdapat merit, alasan yang munasabah dan justifikasi yang kukuh untuk menyokong permohonan perintah deklarasi plaintif tersebut. Elemen-elemen ini penting untuk memastikan perintah deklarasi yang dipohon plaintif tidak menafikan hak dan kepentingan defendan ketiga dari segi undang-undang serta tidak memprejudiskan dan menyebabkan ketidakadilan pada defendan ketiga yang telah memfailkan tuntutan ganti rugi dan pampasan terhadap 'John Doe' dan defendan pertama di Mahkamah Majistret Kangar berikutan kemalangan tersebut. (perenggan 54-56)

(3) Oleh kerana permohonan perintah deklarasi plaintif tersebut adalah berasaskan dakwaan bahawa motosikal KDY 481 tersebut telah hilang dan dicuri sejurus sebelum kemalangan tersebut berlaku, beban terletak atas plaintif untuk membuktikan dakwaan tersebut. Dalam hal ini, disebabkan dakwaan plaintif tersebut adalah berkaitan dengan perbuatan dan perlakuan jenayah, maka dakwaan berhubung dengan kehilangan dan kecurian kenderaan motosikal KDY 481 hendaklah dibuktikan secara *prima facie* oleh plaintif. Dakwaan plaintif mengenai kehilangan dan kecurian motosikal KDY 481 hanyalah berdasarkan laporan polis yang dibuat oleh defendan kedua sahaja. Tiada bukti dan keterangan lain

dikemukakan oleh plaintif tentang kecurian motosikal KDY 481 daripada milikan pemunya berdaftarnya, iaitu defendan pertama, misalnya seperti hasil siasatan pihak polis berkenaan dengan kecurian motosikal KDY 481 dan terdapatnya pendakwaan terhadap mana-mana orang berkaitan dengan dakwaan kecurian motosikal KDY 481. Mahkamah berpuas hati dan mendapati bahawa (i) tiada apa-apa bukti dan keterangan *prima facie* yang menunjukkan motosikal KDY 481 itu telah dicuri daripada milikan pemunya berdaftar motorsikal tersebut; (ii) dakwaan plaintif bahawa motosikal KDY 481 telah dicuri hanyalah berdasarkan andaian plaintif dan laporan polis yang dibuat oleh defendan kedua semata-mata; dan (iii) terdapat percanggahan fakta dan keterangan tentang pemunya berdaftar sebenar motosikal KDY 481. Maka dalam ketiadaan bukti *prima facie* mengenai kecurian tersebut, permohonan perintah deklarasi plaintif tersebut adalah tidak bermerit, tidak munasabah, tiada justifikasi yang kukuh dan bersifat pramatang. (perenggan 58, 60, 61 & 62)

(4) Sekiranya mahkamah ini membenarkan permohonan perintah deklarasi plaintif dengan hanya bersandarkan pada dakwaan defendan kedua dan andaian plaintif semata-mata tanpa apa-apa bukti, keterangan dan justifikasi kukuh tentang kecurian motosikal KDY 481, maka itu akan menjadi suatu 'precedent' dan membuka 'floodgates' pada syarikat insurans dan pihak-pihak lain yang berkepentingan untuk melakukan perkara yang sama, semata-mata untuk mengelakkan apa-apa tanggungan dan/atau liabiliti terhadap pihak ketiga bagi suatu tuntutan ganti rugi dan pampasan yang berbangkit daripada suatu kemalangan jalan raya. Justeru, dalam keadaan plaintif tidak mempunyai alasan dan justifikasi munasabah dan kukuh untuk mendapatkan perintah deklarasi tersebut, defendan ketiga tidak harus diletakkan beban dan tanggungjawab untuk membuat tuntutan ganti rugi dan pampasan tersebut daripada Motor Insurers' Bureau. (perenggan 63)

(5) Plaintif sebagai penanggung insurans tidak boleh mengelak tanggungjawab dan liabiliti untuk menanggung ganti rugi dan pampasan yang dituntut oleh defendan ketiga akibat daripada penggunaan kenderaan defendan pertama sebagai pemegang insurans dalam kemalangan tersebut, melainkan plaintif berjaya mendapat penetapan daripada mahkamah ini sebelum defendan ketiga memperoleh penghakiman berkenaan dengan liabiliti di Mahkamah Majistret Kangar. Berdasarkan alasan-alasan di atas, mahkamah mendapati dan memutuskan (i) permohonan plaintif untuk mendapatkan suatu perintah deklarasi bawah s. 96(3) APJ agar sijil insurans tersebut yang melindungi motosikal KDY 481 dibatalkan dan tidak boleh dikuatkuasakan adalah tidak bermerit, tidak munasabah, tiada justifikasi yang kukuh dan bersifat pramatang; (ii) plaintif tidak berhak untuk mengelak tanggungan bawah sijil insurans tersebut dan

bertanggungjawab menanggung sebarang ganti rugi, kos serta faedah berikutan tuntutan yang dibuat oleh dan/atau bagi pihak defendan ketiga terhadap plaintif berkaitan dengan kemalangan tersebut; dan (iii) plaintif bertanggungan terhadap sebarang perintah dan/atau penghakiman bawah s. 96(1) APJ yang diperolehi atau mungkin diperolehi oleh defendan ketiga terhadap defendan pertama dan/atau mana-mana individu dalam mana-mana tindakan lain yang akan dan/atau telah difailkan berikutan kemalangan jalan raya tersebut dan/atau yang melibatkan motosikal KDY 481. Mengenai ketiga-tiga isu undang-undang yang berbangkit dalam tindakan ini, mahkamah menjawabnya seperti berikut (i) isu pertama dijawab tidak; (ii) isu kedua dijawab tidak; dan (iii) isu ketiga dijawab ya. (perenggan 64, 65 & 67)

Kes-kes yang dirujuk:

Ahmad Nadzrin Abd Halim & Anor v. Allianz General Insurance Company (M) Bhd [2015] 9 CLJ 821 CA ***(dirujuk)***

Etiqa General Takaful Bhd lwn. Pentadbir Harta Pusaka & Yang Lain [2020] 1 LNS 238 HC ***(dirujuk)***

Jayakumar Rajoo Mohamad v. CIMB Aviva Takaful Bhd [2015] 9 CLJ 552 CA ***(dirujuk)***

Nur Islam Rahmatullah & Anor v. Personal Representative Of Lim Eng Hock, Deceased [2017] 1 LNS 572 HC ***(dirujuk)***

Pacific & Orient Insurance Co Bhd v. Kamacheh Karuppen [2015] 4 CLJ 54 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Road Transport Act 1987, ss. 96(1)(b), (2), (3), 109(3)
Specific Relief Act 1950, s. 41

Bagi pihak plaintif - Tay Kwai Lian; T/n JS Sidhu & Assocs
Bagi pihak defendan ketiga - Anuradha Narasamuloo; T/n Selvi Subra & Assocs

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Arik Sanusi Yeop Johari PK:

Pendahuluan

[1] Ini merupakan rayuan oleh pihak plaintif yang tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah ini yang telah menolak permohonan saman pemula plaintif (lampiran 1) untuk mendapatkan suatu perintah deklarasi terhadap defendan-defendan di bawah s. 96(3) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) ("APJ") dan s. 41 Akta Relief Spesifik 1950 (Akta 137) dengan kos sebanyak RM2,000.

Latar Belakang Kes

[2] Plaintif adalah sebuah syarikat insurans yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 dan mempunyai alamat berdaftar di Level 23A Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur.

[3] Defendan pertama adalah pemunya berdaftar motosikal nombor KDY 481 dan pemegang polisi insurans bagi Sijil Insurans/Polisi No: 381600025813-01 dengan Nota Lindung No: D-12076-17000107 ("sijil insurans tersebut") yang berkuatkuasa mulai 16 Oktober 2017 sehingga 15 Oktober 2018.

[4] Defendan kedua adalah penunggang motosikal nombor KDY 481 pada 1 Oktober 2018 sebelum motosikal itu didakwa telah hilang dan dicuri ketika defendan kedua masuk ke dalam kedai runcit Market Simpang Empat pada jam 1.30 pagi sepertimana Laporan Polis No. Spg Empat/000006/18 yang dibuat oleh defendan kedua ("laporan polis defendan kedua tersebut").

[5] Defendan ketiga adalah ibu yang sah kepada Rahmat Al Afiq bin Roshaidi (si mati), iaitu penunggang motosikal nombor RN 526 yang telah meninggal dunia dalam suatu kemalangan jalan raya yang berlaku pada 1 Oktober 2018.

[6] Pada 1 Januari 2018 lebih kurang pada jam 1.45 pagi, suatu kemalangan jalan raya telah berlaku di Jalan Tambun Tulang, Simpang Empat, Perlis yang melibatkan motosikal nombor KDY 481 dengan motosikal nombor RN 526 ("kemalangan tersebut"). Motosikal nombor RN 526 tersebut telah ditunggang oleh Rahmat Al Afiq bin Roshaidi ("si mati"), manakala motosikal nombor KDY 481 pula telah ditunggang oleh seorang yang tidak diketahui ("John Doe").

[7] Berdasarkan laporan polis defendan kedua tersebut dan Laporan Polis No. Spg Empat/000004/18 yang dibuat oleh Konst/P Syed Muhammad Sidiq bin Syed Fisol pada 1 Januari 2018 pada jam 1.50 pagi, iaitu anggota polis yang bertugas di kaunter pejabat pertanyaan Balai Polis Simpang Empat, Simpang Empat, Perlis (eksh. "YHS-3", afidavit sokongan Yap Heng Soon (lampiran 2)), selang masa antara kehilangan dan kecurian motosikal nombor KDY 481 tersebut dengan kemalangan tersebut ialah lebih kurang sepuluh minit.

[8] Akibat daripada kemalangan tersebut, si mati telah mengalami kecederaan dan meninggal dunia di Hospital Tuanku Fauziah, Kangar, Perlis. Berikutan daripada kematian si mati tersebut, defendan ketiga sebagai ibu yang sah kepada si mati telah memfailkan tuntutan ganti rugi dan pampasan terhadap "John Doe" dan defendan pertama sebagai pemunya berdaftar motosikal nombor KDY 481 tersebut di Mahkamah Majistret Kangar melalui Guaman Sivil No. RA-A73KJ-22-01-2020 ("guaman sivil tersebut").

[9] Memandangkan penunggang motosikal nombor KDY 481 tersebut semasa kemalangan tersebut berlaku tidak diketahui, maka sebagai penanggung insurans motosikal nombor KDY 481 tersebut, plaintif telah diserahkan dengan notis di bawah s. 96(2) APJ oleh Tetuan Selvi Subra & Partners, yang mewakili defendan ketiga yang merupakan pihak ketiga dalam tindakan ini.

[10] Sebagai rujukan, s. 96(2) APJ memperuntukkan seperti yang berikut: A

Kewajipan penanggung insurans untuk menunaikan hukuman terhadap orang yang mengambil insurans berkenaan dengan risiko pihak ketiga

96. (2) Tiada apa-apa jumlah wang kena dibayar oleh seseorang penanggung insurans di bawah subseksyen (1): B

(a) berkenaan dengan apa-apa penghakiman, melainkan sebelum atau dalam masa tujuh hari selepas bermulanya prosiding yang penghakiman itu diberi, penanggung insurans itu telah mengetahui mengenai prosiding tersebut;

(b) berkenaan dengan apa-apa penghakiman, selagi pelaksanaannya digantungkan sementara menunggu rayuan; atau C

(c) berkaitan dengan apa-apa liabiliti, jika sebelum berlakunya kejadian yang menjadi sebab kematian atau kecederaan tubuh badan yang menimbulkan liabiliti polisi itu dibatalkan dengan izin bersama atau menurut kuasa apa-apa peruntukan yang terkandung di dalamnya dan sama ada: D

(i) sebelum berlakunya kejadian tersebut, perakuan itu telah diserahkan kepada penanggung insurans atau orang yang telah diserahkan perakuan itu telah membuat suatu akuan berkenaan menyatakan bahawa perakuan itu telah hilang atau musnah;

(ii) selepas berlakunya kejadian tersebut, tetapi sebelum habisnya tempoh empat belas hari dari berkuatkuasanya pembatalan polisi itu, perakuan tersebut telah diserahkan kepada penanggung insurans atau orang yang telah diserahkan perakuan itu telah membuat suatu akuan berkanun seperti yang tersebut dahulu; atau E F

(iii) sama ada sebelum atau selepas berlakunya kejadian tersebut, tetapi di dalam tempoh empat belas hari tersebut, penanggung insurans telah memulakan prosiding di bawah Bahagian ini berkenaan dengan kegagalan menyerahkan perakuan.

[11] Selanjutnya, Tetuan Selvi Subra & Partners telah menyerahkan writ saman bertarikh 19 Januari 2020 dan pernyataan tuntutan bertarikh 14 Januari 2020 yang difailkan oleh defendan ketiga dalam guaman sivil tersebut kepada plaintif. G

[12] Memandangkan defendan kedua dalam laporan polisnya mendakwa bahawa motosikal nombor KDY 481 tersebut telah hilang dan dicuri sebelum kemalangan tersebut berlaku, untuk mengelakkan tanggungan dan liabiliti terhadap pihak ketiga di bawah sijil insurans tersebut, plaintif sebagai penanggung insurans bagi motosikal nombor KDY 481 tersebut telah memfailkan saman pemula (lampiran 1) terhadap ketiga-tiga defendan untuk suatu perintah deklarasi di bawah s. 96(3) APJ seperti yang berikut: H I

A (i) bahawa Sijil Insurans/Polisi No: 381600025813-01 dengan Nota Lindung No: D-12076-17000107 yang melindungi kenderaan nombor KDY 481 dari 16 Oktober 2017 sehingga 15 Oktober 2018 adalah tidak boleh dikuatkuasakan termasuk tetapi tidak terhad bagi suatu kemalangan yang didakwa berlaku pada 1 Januari 2018 di Jalan Tambun
B Tulang, Simpang Empat, Perlis yang melibatkan motosikal nombor RN 526 yang didakwa ditunggang oleh Rahmat Al Afiq bin Roshaidi (si mati) dan motosikal nombor KDY 481 yang didaftarkan atas nama defendan pertama;

(ii) bahawa plaintif berhak untuk mengelak tanggungan di bawah sijil
C insurans tersebut dan tidak bertanggungjawab untuk menanggung sebarang ganti rugi, kos serta faedah berikutan tuntutan yang dibuat oleh dan/atau bagi pihak defendan ketiga terhadap plaintif berkaitan dengan kemalangan tersebut; dan

(iii) bahawa plaintif tidak bertanggungan (not liable) terhadap sebarang
D perintah dan/atau penghakiman di bawah s. 96(1) APJ yang diperolehi atau mungkin diperolehi oleh defendan ketiga terhadap defendan pertama dan/atau mana-mana individu dalam mana-mana tindakan lain yang akan dan/atau telah difailkan berikutan kemalangan tersebut dan/atau yang melibatkan motosikal nombor KDY 481.

E **[13]** Dalam kes ini, defendan pertama dan defendan kedua tidak memasukkan apa-apa afidavit dan penghujahan berkaitan dengan permohonan saman pemula plaintif tersebut. Hanya defendan ketiga sahaja yang memasukkan afidavit dan penghujahan bagi mencabar permohonan saman pemula plaintif tersebut.

F **[14]** Penghujahan plaintif dan defendan ketiga berhubung dengan permohonan saman pemula plaintif tersebut adalah seperti di bawah.

Penghujahan Plaintif

G **[15]** Peguam cara plaintif yang terpelajar menghujahkan bahawa berdasarkan empat alasan utama yang dikemukakan oleh pihak plaintif, terdapat merit dalam permohonan saman pemula plaintif tersebut.

[16] Pertamanya, memandangkan motosikal nombor KDY 481 tersebut telah didakwa hilang dan dicuri sebelum kemalangan tersebut berlaku, maka
H inferens yang dibuat oleh pihak plaintif ialah semasa kemalangan tersebut berlaku, motosikal nombor KDY 481 tersebut telah ditunggang oleh seseorang yang tidak dikenali identitinya dan tanpa kebenaran dan/atau keizinan defendan pertama. Perkara ini jelas bertentangan dan memungkiri kl. 5 sijil insurans tersebut yang menyebut seperti yang berikut:

I 5. Persons or Classes of Persons entitled to drive* (Orang atau Kelas Orang yang berhak memandu*):

(a) Policyholder

(b) Any other person who is riding on the Policyholder's order or with his permission. Provided that the person riding is permitted in accordance with the licensing or other laws or regulations to drive the Motor Vehicle or has been so permitted and is not disqualified by order of a Court of Law or by reason of any enactment or regulation in that behalf from riding the Motorcycle.

[17] Selanjutnya, adalah menjadi hujahan peguam cara plaintif yang terpelajar bahawa kl. 5 sijil insurans tersebut hendaklah dibaca bersama-sama dengan s. 91(1)(b) APJ yang memperuntukkan seperti berikut:

Requirements in respect of policies

91. (1) In order to comply with the requirements of this Part, a policy insurance must be a policy which:

(a) ... ; and

(b) **insures such person, or class of persons as may be specified in the policy** in respect of any liability which may be incurred by him or them in respect of the death of or bodily injury to any person caused by or arising out of the use of the motor vehicle or land implement drawn thereby on a road:

(penekanan ditambah)

[18] Berdasarkan kl. 5 sijil insurans tersebut dan s. 91(1)(b) APJ tersebut, peguam cara plaintif yang terpelajar menghujahkan bahawa memandangkan motosikal nombor KDY 481 tersebut telah ditunggang oleh seseorang yang tidak dikenali identitinya dan tanpa kebenaran dan/atau keizinan defendan pertama semasa kemalangan tersebut berlaku, maka kontrak insurans antara plaintif dengan defendan pertama adalah terbatal dan tidak boleh dikuatkuasakan dan oleh itu, plaintif tidak lagi mempunyai apa-apa tanggungan dan liabiliti di bawah sijil insurans tersebut terhadap defendan-defendan.

[19] Hujahan plaintif tersebut adalah bersandarkan kepada penghakiman Mahkamah Tinggi dalam *Nur Islam Rahmatullah & Anor v. Personal Representative Of Lim Eng Hock, Deceased* [2017] 1 LNS 572; [2017] MLJU 571, yang mana dalam kes ini Lim Chong Fong J telah memutuskan seperti yang berikut:

[15] … I however noted that both cases were made based on the common law particularly that of *Omrod v. Grosville Motor Services Ltd* [1953] 2 All ER 753 before the coming into force of the Road Transport Act 1987 and did not therefore take into consideration ss. 91 and 96 thereunder. In the circumstances, *I am consequently of the view that consent or authorisation of usage of the vehicle by the owner is sufficient to saddle the insured (consequently the insurer) with liability. On that premise, it is incumbent upon the Respondent to adduce evidence in rebuttal such as perhaps the motorcycle was stolen and thus used by an unauthorized rider to defeat the Appellants' claim.*

(penekanan ditambah)

[20] Alasan kedua plaintif memfailkan permohonan saman pemula tersebut ialah untuk melaksanakan hak plaintif sebagai penanggung insurans di bawah s. 96(3) APJ. Berdasarkan peruntukan tersebut, sekiranya plaintif dalam tindakan ini hendak mengelak daripada sebarang tanggungan dan liabiliti terhadap ganti rugi dan pampasan yang dituntut oleh defendan ketiga berkaitan dengan kemalangan tersebut, plaintif perlu mendapatkan suatu perintah deklarasi daripada mahkamah yang mengisytiharkan bahawa sijil insurans tersebut adalah tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan, sebelum tarikh liabiliti ditanggung, iaitu sebelum penghakiman berkenaan dengan liabiliti diperoleh oleh defendan ketiga terhadap "John Doe" dan defendan pertama di Mahkamah Majistret Kangar. Untuk rekod, defendan ketiga dalam tindakan ini ialah plaintif dalam prosiding tuntutan ganti rugi dan pampasan di Mahkamah Majistret Kangar.

[21] Seksyen 96(3) APJ memperuntukkan seperti yang berikut:

> Duty of insurers to satisfy judgments against persons insured in respect of third party risks
>
> 96. (3) No sum shall be payable by an insurer under subsection (1) if before the date the liability was incurred, the insurer had obtained a declaration from a court that the insurance was void or unenforceable: ...

[22] Berdasarkan s. 96(3) APJ tersebut, plaintif menghujahkan bahawa frasa "sebelum tarikh liabiliti ditanggung" itu bermaksud "sebelum penghakiman berkenaan dengan liabiliti diputuskan oleh mahkamah melalui suatu perbicaraan penuh". Hujahan plaintif ini adalah bersandarkan kepada tafsiran dan penghakiman Mahkamah Rayuan dalam *Ahmad Nadzrin Abd Halim & Anor v. Allianz General Insurance Company (M) Bhd* [2015] 9 CLJ 821, yang mana Lim Yee Lan JCA semasa menyampaikan keputusan mahkamah telah menyatakan seperti yang berikut:

> *[50] Under s. 96(1), if judgment has been made against the motor vehicle owner, the law requires the insurer to pay to the third party who holds the judgment, notwithstanding the insurer could have avoided or cancelled the policy. The exceptions are spelt out in sub-ss. 96(2) and (3) of the RTA 1987.*
>
> ...
>
> [72] The liability of the defendant (insured) only arises when judgment is obtained against the defendant (insured). The case cited s. 80(1) of the Road Traffic Ordinance which is similar in terms to the said Act. How can it be said that liability arises immediately upon issuance of a policy when the purpose of the same was to cover a third party claim against the defendant (insured) when and only when judgment is entered against the defendant (insured). So it follows as alluded to in the cases cited, *that obtaining of the judgment is a condition precedent to liability and therefore the words should be interpreted to read that the respondent was entitled to make the application to declare the insurance policy void and unenforceable before judgment was entered against the defendant (insured).*
>
> (penekanan ditambah)

[23] Tafsiran dan pendekatan yang sama turut diambil oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Jayakumar Rajoo Mohamad v. CIMB Aviva Takaful Bhd* [2015] 9 CLJ 552. Dalam kes tersebut, Vernon Ong Lam Kiat JCA (pada ketika itu) telah memutuskan:

> [27] In our judgment, a reading of the proviso would clearly advance the meaning of *"the date the liability was incurred" and which date is the date when judgment has been obtained*.
>
> [28] In a running down action, the plaintiff's claim for damages is based on the tort of negligence. Prior to the trial of the action, liability in damages has not yet been incurred. What the plaintiff has is a cause of action in negligence which, if proven, will subject the defendant to liability in damages. Therefore, *"the date liability is incurred" within the meaning of sub-s. (3) must be held to have the meaning that liability is only incurred when judgment on liability is pronounced by a court after full trial*.
>
> (penekanan ditambah)

[24] Berdasarkan kedua-dua penghakiman di atas, peguam cara plaintif yang terpelajar menghujahkan bahawa bagi memberi kesan perintah deklarasi yang dipohon di bawah s. 96(3) APJ tersebut, perintah tersebut hendaklah diberikan oleh mahkamah ini sebelum tarikh liabiliti ditanggung. Sekiranya perintah deklarasi tersebut diberikan selepas Mahkamah Majistret Kangar membuat penghakiman berkenaan dengan liabiliti tersebut, maka ia akan memprejudis hak plaintif di bawah s. 96(3) APJ dan kesan prejudis ini tidak boleh dipampas dengan kos.

[25] Selanjutnya, alasan ketiga plaintif bagi menyokong permohonan perintah deklarasi tersebut ialah defendan pertama dan defendan kedua tidak mempertikaikan saman pemula plaintif tersebut.

[26] Plaintif menghujahkan bahawa walaupun defendan pertama dan defendan kedua telah menerima secara sempurna saman pemula plaintif tersebut, namun mereka tiada memfailkan apa-apa afidavit jawapan bagi mempertikaikan dan menentang saman pemula tersebut. Oleh itu, terdapat justifikasi berhubung dengan permohonan saman pemula plaintif tersebut.

[27] Alasan keempat yang dikemukakan oleh peguam cara plaintif yang terpelajar ialah defendan ketiga tidak akan diprejudiskan dengan permohonan saman pemula plaintif tersebut. Ini kerana defendan ketiga sendiri dalam tuntutannya di Mahkamah Majistret Kangar telah menamakan penunggang motosikal nombor KDY 481 yang terlibat dalam kemalangan dengan si mati sebagai "John Doe".

[28] Menurut plaintif, fakta ini menunjukkan bahawa defendan ketiga tidak mengetahui identiti penunggang motosikal nombor KDY 481 yang terlibat dalam kemalangan tersebut dan sama ada penunggang motosikal tersebut telah mendapat kebenaran dan/atau keizinan daripada defendan pertama untuk menunggang motosikal nombor KDY 481 tersebut.

[29] Plaintif seterusnya menghujahkan bahawa seandainya mahkamah mengisytiharkan sijil insurans tersebut sebagai tidak sah dan/atau tidak boleh dikuatkuasakan, defendan ketiga tidak akan diprejudiskan dengan permohonan saman pemula plaintif tersebut. Ini kerana, sekiranya defendan ketiga berjaya memperolehi penghakiman terhadap defendan pertama dalam tindakannya di Mahkamah Majistret Kangar, defendan ketiga boleh menyalurkan tuntutannya melalui Motor Insurers' Bureau.

[30] Menurut plaintif, perkara ini telah diputuskan oleh Abu Bakar Katar H dalam kes Mahkamah Tinggi *Etiqa General Takaful Bhd lwn. Pentadbir Harta Pusaka & Yang Lain* [2020] 1 LNS 238 seperti yang berikut:

> [30] Mahkamah ini sedar walaupun Sijil Takaful dibatalkan, sekiranya D3 berjaya dalam tuntutannya di Mahkamah Sesyen terhadap D1 dan D2 akibat kemalangan jalan raya, D3 masih boleh mendapatkan pampasan daripada MIB sehingga 75%.

[31] Selanjutnya, plaintif telah merujuk kepada kes Mahkamah Rayuan *Ahmad Nadzrin Abd Halim & Anor* (*supra*) yang mana telah diputuskan oleh Lim Yee Lan JCA seperti yang berikut:

> [32] The term "Motor Insurers' Bureau" is in turn defined in s. 2 of the Act as "the Motor Insurers' Bureau which has executed an agreement with the Minister of Transport to secure compensation to third party victims of road accidents in cases where such victims are denied compensation by the absence of insurance or of effective insurance".
>
> [33] Reading s. 91 together with the definition of "authorised insurer", it would necessarily mean that every insurance company carrying on a motor insurance business in Malaysia is a member of the Motor Insurers' Bureau.
>
> [34] In this regard, the latest memorandum of agreement signed between the Motor Insurers' Bureau and the Minister of Transport is the memorandum of agreement dated 1 January 1992 (MOT-MOA). Pursuant to the MOT-MOA, the Motor Insurers' Bureau (Bureau) had in turn entered into a memorandum of agreement (Insurers-MOA) of even date between the Bureau and all the insurers of motor vehicle insurance which binds each of the insurers to the Bureau and severally to each and every other of the insurers to perform the MOT-MOA.
>
> *[35] Under the insurers-MOA, every insurance company in Malaysia has agreed in principal to provide insurance coverage in the following situations:*
>
> (i) In the event the insurance is obtained fraudulently, or through misrepresentation, non-disclosure of material fact or mistake (cl. 1(ii));
>
> *(ii) in the event the vehicle is under the control of an "unauthorised driver" (cl. 1(iv)); and*
>
> (iii) in the event the ownership and or interest in a vehicle had changed hands (cl. 1 (vi)).

[36] Clause 2 of the MOT-MOA provides that the Bureau will consider to make at its absolute discretion, compassionate payments or allowances to persons injured and to the dependents of persons killed in the accident through the use of motor vehicles which do not have in force any policy of insurance as required by Part IV of the RTA or where such a policy is ineffective for any reason other than the inability of the insurer to make payment.

[37] Clause 4 of the MOT-MOA allows the Bureau or the insurer (who has paid on behalf of the Bureau) to recover any sum paid under cl. 2 of the MOT-MOA against the policy holder or any other person.

[38] *Based on the foregoing provisions in s. 91, it is clear that a third party who obtains judgment against an uninsured driver and or registered owner of a vehicle by virtue of its cancellation or repudiation by the insurer can look to the Bureau for satisfaction of the judgment sum*, although as we understood it, not to the full extent but in practice up to 75% of the judgment sum.

(penekanan ditambah)

[32] Berdasarkan alasan-alasan di atas, plaintif menghujahkan bahawa terdapat merit dalam permohonan saman pemula plaintif tersebut dan oleh itu, permohonan plaintif untuk mendapatkan perintah deklarasi tersebut wajar diberikan oleh mahkamah ini.

Penghujahan Defendan Ketiga

[33] Bagi membantah perintah deklarasi yang dipohon oleh plaintif tersebut, peguam cara defendan ketiga yang terpelajar menghujahkan bahawa sebelum suatu perintah deklarasi boleh diberikan kepada plaintif, plaintif hendaklah membuktikan terlebih dahulu yang motosikal nombor KDY 481 tersebut telah hilang dan dicuri sebelum kemalangan tersebut berlaku, iaitu sebagaimana yang didakwa oleh plaintif.

[34] Sungguhpun begitu, adalah menjadi hujahan defendan ketiga bahawa dalam permohonan perintah deklarasi ini plaintif hanya bergantung kepada laporan polis yang dibuat oleh defendan kedua semata-mata dan tiada apa-apa bukti dan keterangan kukuh dikemukakan oleh plaintif mengenai kehilangan dan kecurian motosikal nombor KDY 481 tersebut seperti hasil siasatan polis dan keputusan mana-mana mahkamah berkaitan dengan kes kecurian motosikal tersebut.

[35] Oleh itu, defendan ketiga menghujahkan bahawa permohonan perintah deklarasi plaintif tersebut adalah bersifat pramatang (premature) dan dakwaan mengenai kehilangan motosikal nombor KDY 481 tersebut hanyalah berdasarkan sangkaan dan dakwaan plaintif semata-mata.

[36] Selain itu, peguam cara defendan ketiga yang terpelajar menghujahkan bahawa dakwaan defendan kedua mengenai kehilangan motosikal nombor KDY 481 tersebut adalah bersifat sesuatu yang difikirkan kemudian

(afterthought) dan rekaan defendan kedua semata-mata untuk mengelakkan sebarang liabiliti dan hukuman penjara mandatori bagi kesalahan kemalangan jalan raya yang menyebabkan kematian.

[37] Defendan ketiga menghujahkan sedemikian kerana wujud percanggahan fakta dalam laporan polis defendan kedua yang mana dalam laporan polis tersebut defendan kedua menyatakan bahawa motosikal nombor KDY 481 tersebut adalah milik abangnya (tanpa menyebut nama abangnya), sedangkan pemunya berdaftar motosikal itu ialah defendan pertama. Oleh itu, dakwaan defendan kedua mengenai kecurian motosikal nombor KDY 481 tersebut adalah dicurigai dan hanya bersifat afterthought.

[38] Selanjutnya, peguam cara defendan ketiga yang terpelajar menghujahkan bahawa sekiranya mahkamah ini membenarkan permohonan perintah deklarasi plaintif tersebut, maka ia akan menjadi precedent dan membuka floodgates kepada syarikat insurans dan pihak-pihak lain selepas ini untuk membuat perkara serupa, iaitu untuk mengelakkan apa-apa tanggungan, liabiliti dan/atau tuntutan ganti rugi oleh pihak ketiga yang terlibat dalam sesuatu kemalangan, pemunya berdaftar kenderaan dan/atau pemandu kenderaan yang terlibat dalam kemalangan tersebut hanya perlu membuat dakwaan dan laporan palsu kononnya kenderaan tersebut telah hilang dan dicuri sebelum kemalangan tersebut berlaku tanpa perlu mengemukakan bukti kukuh mengenai kehilangan dan kecurian tersebut.

[39] Berhubung dengan perkara ini, defendan ketiga menghujahkan bahawa di bawah s. 109(3) APJ, liabiliti pemunya berdaftar kenderaan dan pemandu kenderaan adalah sama bagi apa-apa kesalahan jalan raya yang dilakukan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987.

[40] Sebagai rujukan, s. 109(3) APJ memperuntukkan seperti yang berikut:

> **Liabiliti pemunya berdaftar dan lain-lain**
>
> 109. (3) Sekiranya apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh sesiapa jua yang menjadi pemandu kenderaan motor itu pada masa material itu, yang boleh menjadi suatu kesalahan terhadap Akta ini jika dilakukan oleh pemunya berdaftar, pemandu itu juga melakukan kesalahan tersebut.

[41] Berdasarkan peruntukan tersebut, defendan ketiga menghujahkan bahawa selagi mana kecurian motosikal nombor KDY 481 tersebut tidak dibuktikan, maka di bawah s. 109(3) APJ, defendan pertama yang merupakan pemunya berdaftar motosikal nombor KDY 481 tersebut dan defendan kedua yang merupakan penunggang motosikal tersebut pada 1 Januari 2018 adalah sama-sama bertanggungan ke atas kemalangan jalan raya yang berlaku di Jalan Tambun Tulang, Simpang Empat, Perlis yang melibatkan motosikal nombor KDY 481 tersebut dan motosikal nombor RN 526 yang ditunggang oleh si mati, yang mana diwakili oleh defendan ketiga dalam tindakan ini.

[42] Selanjutnya, defendan ketiga telah merujuk kepada s. 91(1)(b) APJ dan kes Mahkamah Rayuan *Pacific & Orient Insurance Co Bhd v. Kamacheh Karuppen* [2015] 4 CLJ 54 yang telah meletakkan tanggungjawab kepada penanggung insurans untuk membayar pihak ketiga yang berjaya memperoleh penghakiman berkenaan dengan apa-apa tuntutan ganti rugi yang berbangkit daripada suatu kemalangan jalan raya.

[43] Dalam kes ini, perkataan "use" dalam s. 91(1)(b) APJ telah ditafsirkan oleh Mahkamah Rayuan sebagai tidak hanya terhad kepada perbuatan memandu kenderaan semata-mata tetapi juga meliputi penggunaan kenderaan tersebut di atas jalan raya termasuk sekiranya kenderaan itu digunakan bagi tujuan jenayah. Dalam menyampaikan penghakiman Mahkamah Rayuan, Md Raus Sharif PCA (pada ketika itu) telah memutuskan di bahagian diputuskan seperti yang berikut:

> (2) The pertinent words under s. 91(1)(b) would be 'any liability which may be incurred ... in respect of death of or bodily injury ... caused by or arising out of the use of the motor vehicle ...'. It cannot be said that the wordings of the RTA restricts the third party claimants' rights only to any liability wherein the use of the vehicle is one within the contemplation of the insurer. *The phrase in s. 91(1)(b) would include the liability for damages arising from acts of a criminal nature. The irresistible conclusion would be that the appellant was liable to pay the third party who had suffered injuries as a result of the use of the motor vehicle which was insured by the appellant regardless whether it was at the time used for a criminal purpose. (para 36)*
>
> (3) The injuries suffered by the respondent in the instant case arose out of the use of the motorcycle by the insured. The liability of the insured to the respondent fell within the ordinary meaning of the words used in s. 91(1)(b). *The expression 'use' must be interpreted to mean not only the act driving of the vehicle but also having the use of the vehicle on the road. Ascribing some other meaning to it to say that this does not cover the use of the vehicle in the commission of a criminal act will defeat the very statutory protection accorded to the third party vide the RTA. The appellant was therefore liable to pay the respondent who had suffered injuries as a result of the use of the motor vehicle which was insured by the appellant regardless that it was at the time used for a criminal purpose*. (paras 37 & 46)
>
> (penekanan ditambah)

Kertas Kausa

[44] Kertas kausa yang telah difailkan oleh plaintif dan defendan ketiga dalam tindakan ini adalah seperti yang berikut:

(i) saman pemula plaintif bertarikh 12 Oktober 2020 (lampiran 1);

(ii) afidavit sokongan bertarikh 8 Oktober 2020 yang diikrarkan oleh Yap Heng Soon (lampiran 2);

(iii) afidavit jawapan bertarikh 25 Oktober 2020 yang diikrarkan oleh Norshah binti Ramly (lampiran 3);

(iv) afidavit jawapan bertarikh 13 November 2020 yang diikrarkan oleh Yap Heng Soon (lampiran 4);

(v) afidavit jawapan defendan ketiga (kedua) bertarikh 29 November 2020 yang diikrarkan oleh Norshah binti Ramly (lampiran 5);

(vi) afidavit jawapan (II) bertarikh 2 Disember 2020 yang diikrarkan oleh Tay Kwai Lian (lampiran 6); dan

(vii) afidavit jawapan defendan ketiga (ketiga) bertarikh 6 Disember 2020 yang diikrarkan oleh Norshah binti Ramly (lampiran 7).

Isu Undang-undang Yang Berbangkit

[45] Isu undang-undang yang berbangkit dalam tindakan ini adalah:

(i) sama ada terdapat merit, alasan yang munasabah dan justifikasi yang kukuh dalam permohonan saman pemula plaintif di bawah ss. 91(1)(b), 96(1) dan 96(3) APJ dibaca bersama-sama s. 41 Akta Relief Spesifik 1950 bagi mendapatkan suatu perintah deklarasi bahawa Sijil Insurans/ Polisi No: 381600025813-01 dengan Nota Lindung No: D-12076-17000107 yang melindungi motosikal nombor KDY 481 adalah tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan;

(ii) sama ada plaintif berhak untuk mengelak tanggungan di bawah sijil insurans tersebut dan plaintif adalah bertanggungjawab untuk menanggung sebarang ganti rugi, kos serta faedah berikutan tuntutan yang dibuat oleh dan/atau bagi pihak defendan ketiga terhadap plaintif berkaitan dengan kemalangan tersebut; dan

(iii) sama ada plaintif adalah bertanggungan terhadap sebarang perintah dan/ atau penghakiman di bawah s. 96(1) APJ yang diperolehi atau mungkin diperolehi oleh defendan ketiga terhadap defendan pertama dan/atau mana-mana individu dalam mana-mana tindakan lain yang akan dan/ atau telah difailkan berikutan kemalangan jalan raya tersebut dan/atau yang melibatkan motosikal nombor KDY 481.

Analisis, Dapatan Dan Keputusan Mahkamah

[46] Ketiga-tiga isu undang-undang di atas akan dibincangkan secara bersekali dalam penghakiman ini.

[47] Dalam kes ini, plaintif telah memfailkan saman pemula bertarikh 12 Oktober 2020 (lampiran 1) terhadap defendan-defendan bagi suatu perintah deklarasi di bawah ss. 91(1)(b), 96(1) dan 96(3) APJ bahawa sijil insurans yang melindungi motosikal nombor KDY 481 tersebut adalah tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan. Peruntukan undang-undang tersebut berbunyi seperti yang berikut:

(i) Seksyen 91(1)(b) APJ:

Kehendak berkenaan dengan polisi

91. (1) Bagi mematuhi kehendak Bahagian ini, sesuatu polisi insurans mestilah suatu polisi yang:

(a) dikeluarkan oleh seseorang penanggung insurans dibenarkan dalam erti Bahagian ini; dan

(b) **menginsuranskan bagi seseorang atau kumpulan orang sebagaimana dinyatakan dalam polisi itu berkenaan dengan apa-apa liabiliti yang ditanggung olehnya** atau oleh mereka berkenaan dengan kematian atau kecederaan tubuh badan terhadap mana-mana orang yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada penggunaan kenderaan motor itu atau perkakas tanah yang ditarik olehnya di jalan:

Dengan syarat bahawa polisi itu tidak dikehendaki melindungi:

(aa) liabiliti berkenaan dengan kematian akibat daripada dan dalam perjalanan pekerjaan seseorang yang bekerja dengan orang yang diinsuranskan oleh polisi itu atau kecederaan tubuh badan yang dialami oleh orang itu akibat daripada dan dalam perjalanan pekerjaannya; atau

(bb) kecuali dalam hal kenderaan motor yang membawa penumpang untuk sewa atau upah atau disebabkan oleh atau menurut suatu kontrak pekerjaan, liabiliti berkenaan dengan kematian atau kecederaan tubuh badan yang dialami oleh orang yang dibawa di dalam atau di atas kenderaan itu atau yang memasuki atau menaiki atau turun daripadanya semasa berlakunya kejadian itu yang menyebabkan timbulnya tuntutan tersebut; atau

(cc) apa-apa liabiliti kontraktual.

(penekanan ditambah)

(ii) Seksyen 96(1) APJ:

Kewajipan penanggung insurans untuk menunaikan hukuman terhadap orang yang mengambil insurans berkenaan dengan risiko pihak ketiga

96. (1) Jika, setelah suatu perakuan insurans diserahkan di bawah subseksyen 91(4) kepada orang yang kepadanya sesuatu polisi telah dikuatkuasakan, penghakiman berkenaan dengan apa-apa liabiliti yang dikehendaki dilindungi oleh sesuatu polisi di bawah perenggan 91(1)(b) (iaitu liabiliti yang dilindungi oleh terma polisi itu) diberi terhadap mana-mana orang yang diinsuranskan oleh polisi itu, maka walau apa pun penanggung insurans berhak mengelak atau membatalkan, atau telah pun mengelak atau membatalkan polisi itu, penanggung insurans tersebut hendaklah, tertakluk kepada seksyen

ini, membayar kepada orang yang berhak mendapat faedah penghakiman itu, apa-apa jumlah wang yang kena bayar di bawah polisi itu berkenaan dengan liabiliti tersebut, termasuk apa-apa amaun yang kena dibayar berkenaan dengan kos dan apa-apa jumlah wang yang kena dibayar berkenaan dengan bunga bagi jumlah wang itu menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan bunga bagi penghakiman.

(iii) Seksyen 96(3) APJ:

Kewajipan penanggung insurans untuk menunaikan hukuman terhadap orang yang mengambil insurans berkenaan dengan risiko pihak ketiga

96. (3) Tiada apa-apa jumlah wang kena dibayar oleh seorang penanggung insurans di bawah subseksyen (1) jika, sebelum tarikh liabiliti ditanggung, penanggung insurans telah mengambil penetapan daripada mahkamah bahawa insurans itu tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan:

Dengan syarat bahawa seseorang penanggung insurans yang telah memperoleh sesuatu penetapan seperti yang tersebut dahulu dalam sesuatu tindakan tidak berhak mendapatkan faedah subseksyen ini berkenaan dengan apa-apa penghakiman yang diperoleh dalam prosiding yang dimulakan sebelum bermulanya tindakan itu melainkan, sebelum atau dalam masa tujuh hari selepas bermulanya tindakan itu, dia telah memberi notis mengenainya kepada orang yang menjadi plaintif dalam prosiding tersebut menyatakan apa-apa alasan yang mana dia bercadang untuk mengasaskan, dan mana-mana orang yang diberi notis mengenai tindakan itu berhak jika difikirkannya patut menjadi pihak kepada tindakan tersebut.

[48] Berdasarkan s. 91(1)(b) APJ di atas adalah jelas bahawa suatu polisi insurans bukan sahaja bertujuan untuk melindungi seseorang atau kumpulan orang yang dinamakan dalam polisi insurans tersebut tetapi juga turut meliputi apa-apa liabiliti dan kecuaian yang disebabkan daripada penggunaan kenderaan yang diinsurans itu oleh mana-mana orang sehingga menyebabkan kematian, kecederaan tubuh badan atau kerosakan kenderaan kepada pihak ketiga. Ini adalah selaras dengan penghakiman Lim Yee Lan JCA dalam kes *Ahmad Nadzrin Abd Halim & Anor* (*supra*) seperti yang berikut:

[49] It is a mandatory requirement for a motor vehicle owner to obtain an insurance policy to cover third party risks. (See s. 90 of the RTA 1987). *The insurance coverage technically is not for the motor vehicle owner per se, but to cover negligence caused by the use of the motor vehicle by any person.* (See s. 91(1)(b) of the RTA 1987). That is to say, *any person can drive the motor vehicle whether authorised by the owner or otherwise, but if the vehicle causes damage to third party, the insurers are liable to pay under the policy* unless the insurance policy and/or the certificate stated in s. 91(4) of the RTA 1987 is set aside by the order of court. (See s. 91 of the RTA 1987).

(penekanan ditambah)

[49] Berdasarkan autoriti di atas, mahkamah ini bersetuju bahawa penanggung insurans adalah bertanggungjawab untuk menanggung apa-apa liabiliti yang ditanggung oleh orang yang dinamakan dalam polisi insurans tersebut terhadap pihak ketiga akibat daripada penggunaan kenderaan yang diinsuranskan tersebut oleh mana-mana orang.

[50] Tanggungjawab penanggung insurans mengenai liabiliti tersebut turut dinyatakan dalam s. 96(1) APJ. Di bawah peruntukan ini, penanggung insurans berkewajipan untuk menunaikan penghakiman berkenaan dengan apa-apa liabiliti yang dilindungi oleh sesuatu polisi insurans di bawah s. 91(1)(b) APJ ke atas mana-mana orang yang diinsuranskan di bawah polisi itu, iaitu berhubungan dengan risiko pihak ketiga.

[51] Namun, walau apa pun s. 91(1)(b) dan s. 96(1) APJ tersebut, s. 96(3) APJ mengecualikan penanggung insurans daripada bertanggungjawab untuk membayar apa-apa jumlah penghakiman yang kena dibayar olehnya di bawah s. 96(1) APJ sekiranya sebelum tarikh liabiliti ditanggung tersebut penanggung insurans telah mengambil penetapan daripada mahkamah (declaration from a court) bahawa insurans itu tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan.

[52] Dalam erti kata lain, liabiliti penanggung insurans terhadap pihak ketiga di bawah s. 96(3) APJ hanya akan berkuatkuasa setelah pihak ketiga berjaya memperoleh penghakiman atas liabiliti terhadap penanggung insurans. Tanpa penghakiman tersebut, penanggung insurans tidak mempunyai apa-apa tanggungjawab dan liabiliti untuk membayar apa-apa tuntutan ganti rugi kepada pihak ketiga.

[53] Perkara ini telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Ahmad Nadzrin Abd Halim & Anor* (*supra*) yang mana ditekankan sekali lagi seperti yang berikut:

> *[50] Under s. 96(1), if judgment has been made against the motor vehicle owner, the law requires the insurer to pay to the third party who holds the judgment, notwithstanding the insurer could have avoided or cancelled the policy. The exceptions are spelt out in sub-ss. 96(2) and (3) of the RTA 1987.*
>
> …
>
> [72] … So it follows as alluded to in the cases cited, *that obtaining of the judgment is a condition precedent to liability and therefore the words should be interpreted to read that the respondent was entitled to make the application to declare the insurance policy void and unenforceable before judgment was entered against the defendant (insured).*
>
> (penekanan ditambah)

[54] Justeru, berdasarkan autoriti-autoriti di atas adalah menjadi dapatan mahkamah ini bahawa sekiranya plaintif hendak mengelakkan sebarang tanggungjawab dan liabiliti berkenaan dengan jumlah penghakiman yang kena dibayar oleh plaintif kepada defendan ketiga, plaintif hendaklah

mendapatkan penetapan daripada mahkamah di bawah s. 96(3) APJ bahawa insurans motosikal nombor KDY 481 tersebut adalah tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan, sebelum defendan ketiga memperoleh penghakiman berkenaan dengan liabiliti terhadap defendan pertama dan defendan kedua di Mahkamah Majistret Kangar.

[55] Selanjutnya, adalah menjadi dapatan mahkamah ini bahawa penetapan daripada mahkamah di bawah s. 96(3) APJ tersebut bukanlah bersifat automatik dan ia adalah terletak di bawah kuasa budi bicara mahkamah, yang hendaklah dilaksanakan secara adil dan bijaksana (judiciously). Justeru, sebelum mahkamah ini membuat apa-apa keputusan mengenai penetapan tersebut, plaintif hendaklah memuaskan hati mahkamah ini bahawa terdapat merit, alasan yang munasabah dan justifikasi yang kukuh bagi menyokong permohonan perintah deklarasi plaintif tersebut.

[56] Pada pendapat mahkamah ini, ketiga-tiga elemen ini penting bagi memastikan perintah deklarasi yang dipohon oleh plaintif tersebut tidak menafikan hak dan kepentingan defendan ketiga dari segi undang-undang serta tidak memprejudiskan dan menyebabkan ketidakadilan (miscarriage of justice) kepada defendan ketiga yang telah memfailkan tuntutan ganti rugi dan pampasan terhadap "John Doe" dan defendan pertama di Mahkamah Majistret Kangar melalui Guaman Sivil No. RA-A73KJ-22-01-2020, berikutan daripada kemalangan tersebut.

[57] Melalui penelitian mahkamah ini didapati alasan utama plaintif memohon perintah deklarasi tersebut ialah kerana kononnya motosikal nombor KDY 481 tersebut telah hilang dan dicuri semasa defendan kedua masuk ke kedai runcit Market Simpang Empat pada jam 1.30 pagi pada 1 Januari 2018, sejurus sebelum kemalangan tersebut berlaku pada jam lebih kurang 1.40 pagi pada hari yang sama. Justeru, sebagai penanggung insurans, plaintif menghujahkan bahawa plaintif tidak harus bertanggungjawab terhadap apa-apa tuntutan ganti rugi dan pampasan yang dibuat oleh pihak ketiga, iaitu defendan ketiga, berhubung dengan kemalangan tersebut.

[58] Selanjutnya, memandangkan permohonan perintah deklarasi plaintif tersebut adalah berasaskan kepada dakwaan bahawa motosikal nombor KDY 481 tersebut telah hilang dan dicuri sejurus sebelum kemalangan tersebut berlaku, maka adalah menjadi dapatan mahkamah ini bahawa beban adalah terletak ke atas plaintif untuk membuktikan dakwaan tersebut. Dalam hal ini, disebabkan dakwaan plaintif tersebut adalah berkaitan dengan perbuatan dan perlakuan jenayah, maka pada pendapat mahkamah ini dakwaan berhubung dengan kehilangan dan kecurian kenderaan motosikal nombor KDY 481 tersebut hendaklah dibuktikan secara *prima facie* oleh plaintif.

[59] Ini adalah selaras dengan keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes *Nur Islam Rahmatullah & Anor* (*supra*) yang mana telah diputuskan bahawa pihak yang membuat dakwaan mengenai kehilangan sesuatu kenderaan mempunyai beban untuk membuktikannya.

[60] Sungguhpun begitu, setelah mahkamah ini meneliti saman pemula plaintif dan afidavit-afidavit yang telah difailkan dalam tindakan ini, mahkamah ini mendapati dakwaan plaintif mengenai kehilangan dan kecurian motosikal nombor KDY 481 tersebut hanyalah berdasarkan laporan polis yang dibuat oleh defendan kedua sahaja. Tiada bukti dan keterangan lain dikemukakan oleh plaintif mengenai kecurian motosikal nombor KDY 481 tersebut daripada milikan pemunya berdaftarnya, iaitu defendan pertama, misalnya seperti hasil siasatan pihak polis berkenaan dengan kecurian motosikal nombor KDY 481 tersebut dan terdapatnya pendakwaan terhadap mana-mana orang berkaitan dengan dakwaan kecurian motosikal nombor KDY 481 tersebut.

[61] Pada pendapat mahkamah ini, sebelum suatu perintah deklarasi boleh diberikan oleh mahkamah di bawah s. 96(3) APJ, mahkamah ini hendaklah berpuas hati bahawa terdapat keterangan *prima facie* yang menunjukkan dan membuktikan bahawa motosikal nombor KDY 481 tersebut telah dicuri daripada milikan pemunya berdaftar motosikal nombor KDY 481 tersebut. Walau bagaimanapun, daripada penghujahan pihak plaintif dan defendan ketiga dalam tindakan ini, mahkamah ini berpuas hati dan mendapati:

(i) tiada apa-apa bukti dan keterangan *prima facie* seperti hasil siasatan polis dikemukakan oleh plaintif bagi menunjukkan yang motosikal nombor KDY 481 itu telah dicuri daripada milikan pemunya berdaftar motosikal nombor KDY 481 tersebut;

(ii) dakwaan plaintif bahawa motosikal nombor KDY 481 tersebut telah dicuri hanyalah berdasarkan andaian plaintif dan laporan polis yang dibuat oleh defendan kedua semata-mata; dan

(iii) terdapat percanggahan fakta dan keterangan mengenai pemunya berdaftar sebenar motosikal nombor KDY 481 tersebut. Menurut defendan pertama, iaitu Norfairuzliza binti Md Johari dan rekod catatan sijil insurans tersebut, motosikal nombor KDY 481 tersebut adalah miliknya, manakala defendan kedua pula menyatakan motosikal nombor KDY 481 tersebut adalah milik abangnya (tetapi tidak dinyatakan namanya). Oleh itu, timbul persoalan mengenai pemunya berdaftar sebenar motosikal nombor KDY 481 tersebut, sama ada ia dimiliki oleh defendan pertama, iaitu seorang perempuan atau abang defendan kedua, iaitu seorang lelaki.

[62] Memandangkan asas permohonan plaintif untuk membatalkan sijil insurans tersebut ialah kerana kononnya motosikal nombor KDY 481 tersebut telah hilang dan dicuri, maka dalam ketiadaan bukti *prima facie* mengenai kecurian tersebut, mahkamah ini berpendapat bahawa permohonan perintah deklarasi plaintif tersebut adalah tidak bermerit, tidak munasabah, tiada justifikasi yang kukuh dan bersifat pramatang.

[63] Selanjutnya, mahkamah ini berpendapat bahawa sekiranya mahkamah ini membenarkan permohonan perintah deklarasi plaintif tersebut dengan hanya bersandarkan kepada dakwaan defendan kedua dan andaian plaintif semata-mata tanpa apa-apa bukti, keterangan dan justifikasi yang kukuh mengenai kecurian motosikal nombor KDY 481 tersebut, maka ia akan menjadi suatu precedent dan membuka floodgates kepada syarikat insurans dan pihak-pihak lain yang berkepentingan untuk melakukan perkara yang sama, semata-mata untuk mengelakkan sebarang tanggungan dan/atau liabiliti terhadap pihak ketiga bagi suatu tuntutan ganti rugi dan pampasan yang berbangkit daripada suatu kemalangan jalan raya. Justeru, dalam keadaan plaintif tidak mempunyai alasan dan justifikasi yang munasabah dan kukuh untuk mendapatkan perintah deklarasi tersebut, maka pada pendapat mahkamah ini defendan ketiga tidak harus diletakkan beban dan tanggungjawab untuk membuat tuntutan ganti rugi dan pampasan tersebut daripada Motor Insurers' Bureau.

[64] Berdasarkan kes *Pacific & Orient Insurance Co Bhd* (*supra*) sebagaimana yang dibincangkan di atas, mahkamah ini berpendapat bahawa plaintif sebagai penanggung insurans tidak boleh mengelak tanggungjawab dan liabiliti untuk menanggung ganti rugi dan pampasan yang dituntut oleh defendan ketiga akibat daripada penggunaan kenderaan defendan pertama sebagai pemegang insurans dalam kemalangan tersebut, melainkan plaintif berjaya mendapat penetapan daripada mahkamah ini sebelum defendan ketiga memperoleh penghakiman berkenaan dengan liabiliti di Mahkamah Majistret Kangar.

[65] Berdasarkan alasan-alasan di atas, mahkamah ini mendapati dan memutuskan seperti yang berikut:

(i) permohonan plaintif untuk mendapatkan suatu perintah deklarasi di bawah s. 96(3) APJ supaya Sijil Insurans/Polisi bernombor 381600025813-01 dengan Nota Lindung No: D-12076-17000107, yang melindungi motosikal nombor KDY 481 dibatalkan dan tidak boleh dikuatkuasakan adalah tidak bermerit, tidak munasabah, tiada justifikasi yang kukuh dan bersifat pramatang;

(ii) plaintif tidak berhak untuk mengelak tanggungan di bawah sijil insurans tersebut dan adalah bertanggungjawab untuk menanggung sebarang ganti rugi, kos serta faedah berikutan tuntutan yang dibuat oleh dan/atau bagi pihak defendan ketiga terhadap plaintif berkaitan dengan kemalangan tersebut; dan

(iii) plaintif adalah bertanggungan terhadap sebarang perintah dan/atau penghakiman di bawah s. 96(1) APJ yang diperolehi atau mungkin diperolehi oleh defendan ketiga terhadap defendan pertama dan/atau mana-mana individu dalam mana-mana tindakan lain yang akan dan/atau telah difailkan berikutan kemalangan jalan raya tersebut dan/atau yang melibatkan motosikal nombor KDY 481 tersebut.

Kesimpulan

[66] Sebagai kesimpulan, berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini menolak permohonan saman pemula plaintif bagi suatu perintah deklarasi di bawah s. 96(3) APJ dan s. 41 Akta Relief Spesifik 1950 tersebut (lampiran 1) dengan kos sebanyak RM2,000.

[67] Mengenai ketiga-tiga isu undang-undang yang berbangkit dalam tindakan ini, mahkamah ini menjawabnya seperti yang berikut:

(i) isu pertama dijawab tidak;

(ii) isu kedua dijawab tidak; dan

(iii) isu ketiga dijawab ya.